

07 JAN 1997

DR MAHATHIR MELAWAT PROJEK HOTEL DI SUNGAI BESI

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini melawat projek hotel "Palace of the Golden Horses" yang bernilai RM250 juta di Sungai Besi dekat sini.

Hotel itu yang merupakan sebahagian daripada projek Mines Resort City yang bernilai RM2 bilion dijangka siap hujung tahun ini.

Hotel 426-bilik bersama bandar percutian itu berada dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Keseluruhan projek itu yang dikendalikan oleh Kumpulan Syarikat Country Heights akan meliputi Mines Resort, Kelab Golf, Mines Beach Resort, Taman Perniagaan di Kawasan Dermaga, pusat membeli belah serta pusat pameran bertaraf antarabangsa.

Ketiban Dr Mahathir disambut oleh Pengerusi kumpulan syarikat itu Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali dan Pengarah Urusannya Datuk Lee Kim Yew. --
BERNAMA

ARA PR